

09 JUN 1997

#### GERAKAN AKAN MAIN PERANAN BANTERAS RASUAH

KUALA LUMPUR, 9 Jun (Bernama) -- Gerakan, yang merupakan sebuah komponen parti pemerintah, akan melakukan segala yang perlu untuk menghapuskan rasuah di kalangan ahlinya yang memegang jawatan awam pada peringkat negeri dan persekutuan.

"Kami menyokong seruan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Pemangku Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim supaya dihapuskan rasuah," kata presiden parti itu yang juga Menteri Perusahaan Utama Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik di sini hari ini.

"Pada masa akan datang, calon-calon Gerakan yang dipilih untuk memegang jawatan awam bukan sahaja perlu bersih tetapi juga perlu ternampak bersih," tambah beliau.

Katanya Ahli Parlimen dan Ahli Dewan Undangan Negeri dari Gerakan perlu mengisytiharkan harta mereka kepada Perdana Menteri dan Menteri Besar atau Ketua Menteri.

Datuk Seri Dr Lim berkata demikian kepada pemberita selepas menyampaikan ucapan dasar di simposium/bengkel mengenai Penggalakan dan Kemajuan Perdagangan dalam Konteks Sistem Perdagangan Pelbagai Hala yang Baru Muncul, yang berlangsung di sini.

Katanya, membenarkan wang yang diperuntukkan bagi pembangunan digunakan bagi tujuan politik juga merupakan rasuah, dan mereka yang bertanggungjawab akan diambil tindakan dengan serius.

Gerakan akan cuba menghapuskan politik wang, katanya, sambil menambah bahawa parti itu akan membincangkan isu rasuah pada mesyuarat Jawatankuasa Kerja Pusatnya Sabtu ini. -- BERNAMA

MSL KY/sia